

# Dr. Mahathir rasmi kampus UIAM di Gombak

UM 18 APR 2001

KUALA LUMPUR 17 April – **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)** yang kini berusia 18 tahun dibuka secara rasmi oleh **Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** di kampus tetapnya di Gombak, di sini, hari ini.

**Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, naib-naib canselor institusi pengajian tinggi awam dan perwakilan universiti-universiti dunia Islam** turut menyaksikan detik penuh bersejarah itu.

Majlis yang berjalan lancar tanpa masalah itu turut diraikan oleh para pelajar UIAM yang memberi sambutan meriah kepada Dr. Mahathir.

Kemeriahan itu melenyapkan khabar angin mengenai sekumpulan pelajar akan mengadakan demonstrasi membantah kedatangan Dr. Mahathir ke UIAM.

Apa yang berlaku adalah sebahaknya, iaitu pelajar berpusu-pusu memenuhi dewan utama untuk menyaksikan detik bersejarah pembukaan rasmi UIAM.

Pada majlis itu juga, Dr. Mahathir meluangkan waktu melawat gerai pameran dan bertanya &abar para pelajar yang turut memenuhi ruang pameran di Kulliyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar.

Pameran sempena Karnival UIAM 2001 itu turut

memberi peluang kepada pelajar asing yang mengenakan pakaian tradisi mengikut negara masing-masing menyertainya.

**Rektor UIAM, Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan** ketika berucap pada majlis itu berkata, universiti itu terpaksa menunggu sehingga 18 tahun untuk dibuka secara rasmi kerana tidak mempunyai bangunan sendiri.

## Pengajian

Jelasnya, UIAM yang ditubuhkan pada tahun 1983 menumpang sementara di sebuah pusat pengajian di Petaling Jaya.

"Bangunan akademik pertama iaitu Kulliyah Undang-Undang hanya siap pada tahun 1996.

"Setahun kemudian, pelajar ekonomi, kejuruteraan dan seni bina berpindah ke kampus tetap UIAM di Gombak.

"Semua bangunan akademik siap sepenuhnya pada bulan ini dan selepas 13 tahun menumpang, hari ini UIAM dibuka secara rasmi oleh **Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad**," katanya di sini, hari ini.

**Kerajaan** telah membelanjakan sebanyak RM672 juta untuk membangunkan kampus tetap UIAM yang terletak di kawasan seluas 272 hektar itu.

**Reka bentuk bangunan UIAM** adalah unik iaitu hasil adunan seni bina Islam dan tradisional Melayu.

**Bumbung warna biru muda** pula menjadikan ia

sentiasa kelihatan harmoni dengan landskap menarik dan berwarna-warni.

Dari segi jumlah pelajar, UIAM mula menerima kumpulan pertama pelajar sebanyak 153 orang pada tahun 1983.

Kini jumlah itu bertambah kepada 15,949 termasuk 1,500 pelajar asing dari 96 buah negara.

Antara negara luar yang memilih UIAM sebagai tempat rakyatnya menimba ilmu ialah Sri Lanka, Australia, Bahamas, Bosnia, Kemboja, China dan Iran.

Selain itu, pada awal penubuhannya, UIAM hanya mempunyai dua buah kulliyah iaitu undang-undang dan ekonomi.

Jumlah terkini kulliyah di UIAM termasuk dua kulliyah terawal ialah sembilan buah iaitu Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Kejuruteraan, Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar, Pendidikan, Sains, Farmasi dan Perubatan (di kampus UIAM Kuantan).

UIAM diterajui oleh rektor pertamanya, Prof. Tan Sri Dr. Muhammad M. Abdul Rauf dan pada Disember 1998, Datuk Dr. Abdul Hamid Abu Sulayman dilantik sebagai rektor kedua.

Kini jawatan tertinggi di UIAM itu disandang oleh Mohd. Kamal sejak bulan April 1999.